

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 28 February 2026 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 28 Februari 2026 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Urus aims to maximise medium-to-long term returns by investing in Shariah-compliant equities, sukuk and Islamic money market instruments through Takafulink funds and Islamic collective investment schemes (CIS).

Takafulink Dana Urus bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka masa sederhana ke panjang dengan melabur dalam ekuiti patuh Syariah, sukuk dan instrumen pasaran wang Islam melalui dana-dana Takafulink dan skim-skim pelaburan kolektif Islam (CIS).

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan Prudential BSN Takaful Berhad

Inception Date / Tarikh Diterbitkan 01/12/2006


Current Fund Size / Saiz Dana Terkini RM729,350,098.48

Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan 1.30% per annum

Current NAV / NAB Terkini RM2.52672

How the Fund has performed / Prestasi Dana

Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana
Takafulink Dana Urus Vs. 80% FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah Index (FBMS) + 20% Maybank 12-month Islamic Fixed Deposit-i rate




Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	-0.72%	2.35%	3.75%	7.71%	17.20%	8.81%	152.67%
Benchmark / Penanda Aras	-0.34%	2.58%	4.13%	6.20%	12.42%	-1.93%	72.39%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	-0.38%	-0.23%	-0.38%	1.51%	4.78%	10.74%	80.28%

Source / Sumber: Lipper for Investment Management and Bloomberg, 28 February 2026

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset

	% NAV
1 Takafulink Dana Ekuiti	63.80
2 Takafulink Dana Sukuk	20.59
3 United-i Malaysia Equity Fund	11.55
4 United-i Malaysia Discovery Fund	4.38
5 Cash, Deposits & Others	-0.32

Takafulink Dana Ekuiti Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Tenaga Nasional Berhad	9.83
2 IHH Healthcare Berhad	6.39
3 Press Metal Berhad	6.30
4 Telekom Malaysia Berhad	6.17
5 SD Guthrie Berhad	5.68
6 Gamuda Berhad	5.21
7 PETRONAS Gas Berhad	4.64
8 Malayan Cement Berhad	4.11
9 Sunway Berhad	2.76
10 Westports Holdings Berhad	2.50

Takafulink Dana Sukuk Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Infracap Resources Sdn Bhd	2.90
2 Sarawak Energy Berhad	2.62
3 DanaInfra Nasional Berhad*	2.32
4 AEON Credit Service (M) Sdn Bhd	2.09
5 S P Setia Berhad	1.98
6 Gamuda Berhad	1.81
7 Edra Energy Sdn Bhd	1.61
8 PONS Capital Berhad	1.59
9 Eco World Perpetual Capital Berhad	1.56
10 DanaInfra Nasional Berhad*	1.49

* Different coupon rates & maturity dates for each.

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 28 February 2026 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 28 Februari 2026 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Equity

Market Review

Malaysian equities reversed earlier gains amid rising geopolitical tensions and US tariff uncertainties. Market sentiment was positive early on, buoyed by the stronger than expected 4Q25 GDP growth of 6.3% and a stronger ringgit at RM3.89/USD. However, post the Chinese New Year holidays, investor sentiment weakened over concerns on valuations of technology stocks, rising geopolitical risks with the US and Israel launching a pre-emptive strike on Iran on the 28 Feb 2026. Domestically, sentiment was also dampened with the allegations involving the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC). It was results reporting season in February, where overall the earnings were generally in line with the exception of a few disappointments from companies like Petronas Chemical. The FBM EMAS Shariah Index closed the month at 12,217.56, down 0.47% MoM. The FBM Small Cap Shariah Index was down 2.27% for the month and underperformed the FBM EMAS Shariah Index.

Market Outlook

Geopolitical risk is now ratcheting up with the US/Israel-Iran conflict on its 6th day already, and the contagion effect is very real as Iran is launching drones to neighbours with a US base or deemed US friendly. Whilst President Trump had indicated that this could be over within a few weeks, Russia equally thought so too when they initiated an attack on Ukraine 4 years ago. This US-Iran conflict is on top of the ongoing conflicts between Ukraine and Russia, in Gaza, and just coming out of the US threatening to take over Greenland. These remain part of the external headwinds that could potentially impact Malaysia's growth. Domestically, Malaysia is in a favourable position with relatively stable politics compared to some of our other ASEAN peers. Malaysia's GDP growth expectations for 2026 remains robust with official forecasts at 4-4.5%, whilst many economists expect it to land at the higher end of the range. BNM will be releasing their Annual Report at the end of March, which will also provide an update to the official 2026 GDP growth forecast. The economy continues to be supported by the FDI being realized, domestic direct investments, strong construction activities, solid consumption growth and robust tourism activities. Whilst the recent conflict in the Middle East needs to be closely monitored, Malaysia should be relatively in a better position than our peers, as a nation that is a net exporter of oil and gas. The negative impact of higher oil prices though could result from higher subsidies the government will need to pay to maintain the current levels of subsidized petrol. We remain cautiously optimistic about the outlook for equities in 2026, keeping in mind the potential external headwinds. Nevertheless, we see any market weakness as opportunities to accumulate fundamentally strong stocks at attractive valuations.

Fixed Income

Market Review

Malaysia reported an upbeat 4Q2025 GDP of 6.3% YoY, revised upwards from the advanced estimates of 5.7% previously. This marked the sharpest growth since 4Q2022, spurred by positive domestic demand arising from favorable labor market and income related policy. For the full year 2025, the economy grew by 5.2% surpassed the official guidance of 4.0-4.8% (2024: 5.1%). Growth was supported by robust domestic demand, favorable exports, increased tourism flows and the ongoing AI-driven technology upcycle. Headline inflation remained stable at 1.6% YoY in January (December: 1.6%). Higher housing and utility prices were offset by lower transport costs and steady food prices. Core inflation was also steady unchanged at 2.3% YoY in January. Exports growth continued to pick up in January at 19.6% YoY to RM146.9 billion (December: 10.4%). The increase in exports was led by manufacturing amid a notable jump in E&E exports. On the contrary, imports moderated to 5.3% YoY in January to RM125.5 billion (December: 9.5%) dampened by pullbacks in consumptions and capital goods imports. Thus, trade surplus sustained its positive momentum at RM21.4 billion, widening by 17.7 billion compared to January 2025. S&P Global Manufacturing PMI retreated to 49.3% in February from 50.2 in January 2026, reflecting a renewed slowing in new orders. The manufacturing sector reported a challenging month as companies reported weakness in output and new orders. The moderation in total new order book volumes was mainly due to sluggish market conditions. Business sentiment also waned during the month. Bank Negara Malaysia kept the OPR steady at 2.75% at its March meeting. The central bank highlights that downside risks have risen stemming from the recent Middle East conflict, heightened volatility in global financial markets and possible higher tariffs. The impact to the economy will depend on the duration and severity of the conflict. It notes that the country is facing these challenges from a position of strength. Despite the increased volatility in global commodity prices, the impact on domestic inflation is expected to be contained.

Market Outlook

As widely expected, OPR was maintained at 2.75% in March with a statement broadly neutral in tone while acknowledging the heightened external uncertainties and risks to the global outlook. The recent geopolitical tensions in the Middle East have triggered a risk off sentiment with investors pricing in potential energy supply disruption, higher energy inflation and slower global growth. Rising global oil prices will result in greater government spending on fuel subsidies though the government has set RM1.99 per litre for the first 300 litres which is expected to generate savings between RM2.5 billion to RM4 billion annually. Meanwhile, Prime Minister said the government would strive to maintain the RON95 petrol price under BUD195 despite global market uncertainties following the escalation of the Middle East conflict. Upcoming event to watch is the release of Bank Negara Malaysia Annual Report 2026 scheduled on 31st March 2026 which will provide new guidance on macro forecast and clarity of the country outlook amid external downside risks. Government bond supply in 2026 is expected to remain elevated but manageable, with gross MGS/MGII issuance of about RM183 billion, a front-loaded 1H profile, and a greater skew toward short- to mid-tenor auctions, while issuance flexibility (including short-term bills) is likely to be used to support long-duration yields and manage curve volatility. There will be a huge maturity of MGII 3/26 amounting RM25.5 billion on 31st March 2026. Thus, the net supply of government securities is expected to be negative with three auctions scheduled in March, i.e. 15y Reopening MGII7/40, 3y new issue MGS 3/29 and 7y new issue MGII3/33. Potential new corporate issuance pipeline remains robust in the coming months while the corporate bonds maturity over the 4 months is RM36.4 billion. The MGS yield curve closed mixed with 3- and 15-year shifted higher by 1bp while the belly yields declined by 4bps and the long end anchored unchanged for the month. The rising sovereign yield curve has resulted in tighter credit spreads. MGS yields rose more prominently on the front to mid tenor the curve tracking the rise in UST yields amidst concerns over global inflation. Currently, credit spreads are still below long-term averages. Credit spreads may widen once the sovereign bond yields stabilized at higher levels. Hence, we will be watchful for curve re-pricing.

Fund Review and Strategy

The Fund returned -0.72% for the month, underperforming the benchmark return of -0.34% by 0.38%. Year-to-date, The Fund returned 0.42%, underperforming the benchmark return of 0.88% by 0.46%. The underperformance in February was mainly due to the underperformance in the equity portion against its benchmark.

Ekuiti

Tinjauan Bulanan

Ekuiti Malaysia membalikkan keuntungan sebelum ini susulan keadaan geopolitik yang semakin tegang dan ketidakpastian tarif AS. Sentimen pasaran yang pada awalnya positif, didorong oleh pertumbuhan KDNK 4Q25 yang lebih kukuh daripada jangkaan iaitu 6.3% dan ringgit yang lebih teguh pada RM3.89/USD. Namun, sebaik tamat cuti Tahun Baru Cina, sentimen pelabur menjadi lesu disebabkan kebimbangan mengenai penilaian stok teknologi, seiring peningkatan risiko geopolitik tatkala AS dan Israel mula-mula melancarkan serangan ke atas Iran pada 28 Februari 2026. Di dalam negara, sentimen juga terjejas dengan dakwaan yang melibatkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Bulan ini juga merupakan musim pelaporan

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 28 February 2026 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 28 Februari 2026 melainkan jika dinyatakan

keputusan bulan Februari, yang mana pendapatan secara amnya selaras jangkaan, dengan pengecualian daripada syarikat seperti Petronas Chemical yang mengecewakan. Indeks FBM EMAS Shariah menutup bulan pada 12,217.56, turun 0.47% bulan ke bulan (MoM). Indeks FBM Small Cap Shariah pula susut 2.27%, tidak mengatasi Indeks FBM EMAS Shariah.

Gambaran Bulanan

Risiko geopolitik kini semakin meningkat dengan konflik AS/Israel-Iran yang sudah masuk hari ke-6, dan kesan penularannya sangat nyata kerana Iran melancarkan dron ke negara-negara jiran yang menempatkan pangkalan AS atau dianggap mesra AS. Walaupun Presiden Trump menunjukkan bahawa ia mungkin akan berakhir dalam beberapa minggu, namun Rusia juga berpendapat demikian apabila memulakan serangan ke atas Ukraine 4 tahun yang lalu. Konflik AS-Iran ini menumpuk ke atas konflik yang berterusan antara Ukraine dan Rusia, di Gaza, dan sejurus selepas ancaman AS untuk mengambil alih Greenland. Ini kekal sebagai sebahagian daripada halangan luaran yang berpotensi memberi kesan kepada pertumbuhan Malaysia. Di dalam negara, Malaysia berada dalam kedudukan yang baik dengan politik yang agak stabil berbanding beberapa negara ASEAN lain. Jangkaan pertumbuhan KDNK Malaysia bagi tahun 2026 kekal kukuh dengan ramalan rasmi pada 4-4.5%, manakala ramai ahli ekonomi menjangkakan ia akan berada dalam julat yang lebih tinggi. BNM akan mengeluarkan Laporan Tahunannya pada akhir Mac, yang turut akan mengemas kini ramalan pertumbuhan KDNK rasmi 2026. Ekonomi terus disokong oleh aliran masuk FDI, pelaburan langsung domestik, aktiviti pembinaan yang mantap, pertumbuhan penggunaan yang teguh dan aktiviti pelancongan yang rancak. Walaupun konflik di Timur Tengah baru-baru ini perlu dipantau dengan teliti, Malaysia sepatutnya berada dalam kedudukan yang lebih baik berbanding rakan serantau sebagai sebuah negara yang merupakan pengeksport bersih minyak dan gas. Kesan negatif lantaran harga minyak yang lebih tinggi mungkin disebabkan oleh kerajaan perlu membayar subsidi yang lebih tinggi untuk mengekalkan paras petrol bersubsidi semasa. Kami masih optimistik sambil berhati-hati tentang prospek ekuiti pada tahun 2026, dengan mengambil kira potensi rintangan luaran. Namun begitu, kami melihat apa-apa kelemahan pasaran sebagai peluang untuk mengumpul stok yang berasas kukuh pada penilaian yang menarik.

Pendapatan Tetap Tinjauan Bulanan

Malaysia melaporkan KDNK 4Q2025 6.3% YoY yang memberangsangkan, disemak semula daripada anggaran 5.7% sebelumnya. Ini menandakan pertumbuhan paling rancak sejak 4Q2022, dipacu oleh permintaan domestik yang positif berikutan pasaran tenaga kerja yang menggalakkan di samping dasar berkaitan pendapatan. Bagi setahun penuh 2025, ekonomi berkembang sebanyak 5.2% mengatasi panduan rasmi 4.0-4.8% (2024: 5.1%). Pertumbuhan disokong oleh permintaan domestik yang teguh, eksport yang menggalakkan, peningkatan aliran pelancongan dan kitaran naik teknologi yang dipacu AI secara berterusan. Inflasi keseluruhan kekal stabil pada 1.6% YoY pada Januari (Disember: 1.6%). Harga perumahan dan utiliti yang lebih tinggi diimbangi oleh kos pengangkutan yang lebih rendah dan kestabilan harga makanan. Inflasi teras juga stabil tidak berubah pada 2.3% YoY pada Januari. Pada Januari, pertumbuhan eksport terus meningkat 19.6% YoY kepada RM146.9 bilion (Disember: 10.4%). Peningkatan eksport didorong oleh pembuatan di tengah-tengah lonjakan ketara eksport E&E. Sebaliknya, import menyusut kepada 5.3% YoY pada Januari kepada RM125.5 bilion (Disember: 9.5%) yang terjejas dek kemerosotan penggunaan dan import barangan modal. Oleh itu, lebih perdagangan mengekalkan momentum positifnya pada RM21.4 bilion, melebar sebanyak 17.7 bilion berbanding Januari 2025. S&P Global Manufacturing PMI mengundur kepada 49.3% pada Februari daripada 50.2 pada Januari 2026, mencerminkan pesanan baharu yang kembali melembap. Sektor pembuatan melaporkan bulan yang mencabar apabila syarikat meluahkan kelemahan dalam output dan pesanan baharu. Penyederhanaan dalam jumlah keseluruhan tempahan baharu disebabkan terutamanya oleh keadaan pasaran yang lembap. Sentimen perniagaan juga merosot pada bulan tersebut. Bank Negara Malaysia mengekalkan kestabilan OPR pada 2.75% menerusi mesyuarat Macnya. Bank pusat menekankan bahawa risiko penurunan telah meningkat, berpunca daripada konflik Timur Tengah mutakhir ini, peningkatan volatiliti dalam pasaran kewangan global dan kemungkinan tarif yang lebih tinggi. Kesan kepada ekonomi akan bergantung pada tempoh dan tahap ketenatan konflik. Ia menyebut bahawa negara menghadapi cabaran ini dari kedudukan yang teguh. Walaupun terdapat volatiliti harga komoditi global meningkat, namun kesan terhadap inflasi domestik dijangka dapat dikawal.

Gambaran Bulanan

Seperti yang dijangkakan, OPR dikekalkan pada 2.75% di bulan Mac dengan kenyataan yang secara amnya bernada neutral sambil mengakui ketidakpastian luaran yang meningkat dan risiko terhadap prospek global. Ketegangan geopolitik di Timur Tengah baru-baru ini telah mencetuskan sentimen penhindaran risiko dengan pelabur menilai potensi gangguan bekalan tenaga, inflasi tenaga yang lebih tinggi dan pertumbuhan global yang lebih perlahan. Kenaikan harga minyak global akan menyebabkan perbelanjaan subsidi bahan api kerajaan yang lebih besar meskipun kerajaan telah menetapkan RM1.99 seliter bagi 300 liter pertama yang dijangka menjana penjimatan antara RM2.5 bilion hingga RM4 bilion setiap tahun. Sementara itu, Perdana Menteri berkata kerajaan akan berusaha untuk mengekalkan harga petrol RON95 di bawah program BUDI95 meskipun terdapat ketidakpastian pasaran global berikutan keruncingan konflik Timur Tengah. Acara akan datang yang perlu diperhatikan ialah pelancaran Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2026 yang dijadualkan pada 31 Mac 2026, yang akan memberikan panduan baharu tentang ramalan makro dan kejelasan prospek negara di tengah-tengah risiko kemerosotan luaran. Bekalan bon kerajaan pada tahun 2026 dijangka kekal tinggi tetapi boleh diurus, dengan terbitan kasar MGS/MGII kira-kira RM183 bilion, profil pelaburan pangkal 1H, dan kecenderungan yang lebih besar ke arah lelongan jangka pendek hingga pertengahan, manakala fleksibiliti terbitan (termasuk bil jangka pendek) mungkin akan digunakan untuk menyokong hasil jangka panjang dan mengurus lengkung volatiliti. Akan terdapat tempoh matang MGII 3/26 yang besar berjumlah RM25.5 bilion pada 31 Mac 2026. Oleh itu, bekalan bersih sekuriti kerajaan dijangka negatif dengan tiga lelongan dijadualkan pada bulan Mac, iaitu Pembukaan Semula MGII/740 15 tahun, terbitan baharu MGS 3/29 3 tahun dan terbitan baharu MGII/333 7 tahun. Persediaan terbitan korporat baharu yang berpotensi akan tetap kukuh dalam beberapa bulan akan datang manakala tempoh matang bon korporat sepanjang 4 bulan ialah RM36.4 bilion. Keluk hasil MGS ditutup bercampur-campur dengan keluk 3 dan 15 tahun bergerak 1 mata asas lebih tinggi manakala hasil pertengahan menyusut 4 mata asas manakala keluk panjang tidak berubah pada bulan tinjauan. Keluk hasil kerajaan yang meningkat telah menyempitkan spread kredit. Hasil MGS meningkat dengan lebih ketara pada keluk tempoh hadapan hingga pertengahan, menuruti peningkatan hasil UST di tengah-tengah kebimbangan mengenai inflasi global. Pada masa ini, spread kredit masih di bawah purata jangka panjang. Spread kredit mungkin melebar sebaik sahaja hasil bon kerajaan menstabil pada tahap yang lebih tinggi. Oleh itu, kami akan memerhatikan penetapan semula harga keluk.

Tinjauan dan Strategi Dana

Dana mencatat pulangan -0.72% pada bulan ini, tidak mengatasi pulangan penanda aras -0.34% dengan perbezaan 0.38%. Sejak awal tahun sehingga bulan tinjauan, Dana mencatat pulangan 0.42%, tidak mengatasi pulangan penanda aras 0.88% dengan perbezaan 0.46%. Prestasi yang lebih rendah pada bulan Februari adalah terutamanya disebabkan oleh prestasi bahagian ekuiti yang ketinggalan berbanding penanda arasnya.

Source / Sumber: Fund Commentary, February 2026, Eastspring Al-Wara' Investments Berhad, Principal Islamic Asset Management Sdn. Bhd. and UOB Asset Management (Malaysia) Berhad

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 28 February 2026 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 28 Februari 2026 melainkan jika dinyatakan

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL